

JPS selenggara parit, atasi banjir kilat

Klang: Ancaman banjir kilat dihadapi penduduk di Kampung Baru Dua, Kampung Johan Setia dan Sri Nadi, di sini, berjaya diatasi apabila Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyelenggara hampir tiga kilometer parit yang tersumbat.

Sehingga semalam lebih 80 peratus parit berkenaan yang sebelum ini dipenuhi rumput yang menyekat aliran air, sudah dibersihkan menggunakan jentera.

Selain melakukan kerja pembersihan, JPS turut menempatkan tiga mesin pengepam air berkapasiti tinggi di beberapa kawasan, bagi menyalurkan air yang bertakung akibat saluran tersekat.

Tindakan JPS itu melegakan penduduk dan air tidak lagi memasuki rumah mereka selepas hujan seperti berlaku dua minggu lalu sehingga menyebabkan lebih 200 rumah di kawasan rendah di lima kampung berdekatan dinaiki air hampir semeter.

Atasi banjir kilat

Penduduk juga berharap JPS meneruskan kerja pembersihan di beberapa kawasan lain bagi memastikan banjir kilat tidak

mengganggu penduduk, terutama di kawasan rendah.

Mohd Samsi Sarmin, 52, berkata tindakan menyelenggara parit utama itu tepat pada masanya kerana penduduk mendapati rumput yang tebal sebelum ini menjadi faktor utama menyebabkan banjir kilat kerap berlaku.

“Kerja penyelenggaraan parit ini memang amat dinantikan penduduk. Kini kami lega kerana aliran air tidak lagi tersekat dan berharap JPS memberi pementauan berkala bagi memastikan penyelenggaraan dilakukan mengikut jadual. Penduduk juga lega kerana air tidak lagi memasuki rumah,” katanya.

Sebelum ini hampir kebanyakan parit utama tidak diselenggara lebih setahun menyebabkan ada kawasan dipenuhi rumput melebihi dua meter.

Minggu lalu, Jurutera Daerah JPS, Khairul Adzib Saadon, memberitahu *BH Sentral* kerja penyelenggaraan membabitkan kos RM1 juta akan dilakukan segera, selepas mendapati sebahagian parit di kampung berkenaan dikesan menjadi antara penyumbang banjir kilat terburuk menimpa penduduk baru-baru ini.